

PELABUHAN KUANTAN  
MALAYSIA



Lembaga Pelabuhan  
**KUANTAN**  
*Port Authority*

**LAPORAN TAHUNAN 2017 ANNUAL REPORT**



# Kandungan

## *Contents*

- 02 Latar Belakang  
*Background*
- 03 Misi  
*Mission*
- 03 Fungsi  
*Function*
- 04 Diari Aktiviti 2017  
*Activities Diary 2017*
- 08 Jemaah Lembaga  
*Board Members*
- 12 Carta Organisasi  
*Organisation Chart*
- 13 Pengurusan  
*Management*
- 14 Perutusan Pengerusi  
*Chairman's Foreword*
- 18 Prestasi Tahun 2017  
*Year 2017 Performance*
- 27 Penyata Kewangan 2017  
*2017 Financial Statements*
- 52 Data-Data Statistik 2017  
*2017 Statistical Data*



# Latar Belakang

## Background

LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN telah ditubuhkan pada 1 September 1974 di bawah Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan, 1963 dan merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang bertanggungjawab kepada Kementerian Pengangkutan.

Pembinaan Pelabuhan Kuantan telah dimulakan pada tahun 1975 dan siap keseluruhannya pada

akhir 1979. Operasi pelabuhan telah bermula secara sebahagian pada tahun 1980 dan operasi sepenuhnya pada tahun 1984.

Operasi Pelabuhan Kuantan telah diswastakan kepada Kuantan Port Consortium Sdn Bhd (KPC) mulai 1 Januari 1998. Selaras dengan penswastaan ini, Lembaga Pelabuhan Kuantan bertindak sebagai badan kawalselia dan fasilitator.



*KUANTAN PORT AUTHORITY is a Federal Statutory Body established on 1 September 1974 under the Port Authorities Act, 1963 and placed under the purview of the Ministry of Transport.*

*The construction of Kuantan Port started in 1975 and was completed by end 1979. Partial operations began in 1980 while full operations started in 1984.*

*The operations of Kuantan Port was privatised to Kuantan Port Consortium Sdn Bhd (KPC) on 1 January 1998. Subsequent to this, Kuantan Port Authority acts as a regulator and facilitator.*





## Misi *Mission*

Bertindak sebagai Pengawalselia dan Fasilitator untuk menjadikan Pelabuhan Kuantan sebagai pusat perdagangan maritim yang berterusan mempunyai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang optimum dan berkualiti bagi kepentingan pengguna-pengguna pelabuhan dan memastikan perjalanan operasi, pembangunan dan perkembangan Pelabuhan yang berjaya dan teratur.

*Act as a Regulator and Facilitator to establish Kuantan Port in becoming a prime time trading centre which is continually provided with optimal and quality facilities and services for the benefit of port users and to ensure successful and regularity in the running of operations, development and progress of the Port.*

## Fungsi *Function*

Lembaga Pelabuhan Kuantan menjalankan tugas menurut kuasa yang diperturunkan melalui

- Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan, 1963
- Akta Badan Berkanun, 1980
- Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan), 1990 seperti berikut:

### A. PEMBANGUNAN

- a. Perancangan pembangunan
- b. Pelaksanaan pembangunan
- c. Pemantauan pembangunan
- d. Mengkaji/menyemak semula program pembangunan

### B. FASILITASI PERDAGANGAN

- a. Pemasaran
- b. Pengurusan hartanah
- c. Pemudahcara aktiviti pelabuhan

### C. KAWALSELIA

- a. Kawalselia operasi pelabuhan
- b. Kawalselia aktiviti pembangunan
- c. Kawalselia keselamatan perairan dan navigasi
- d. Kawalselia keselamatan kawasan pelabuhan
- e. Kawalselia aktiviti perdagangan
- f. Kawalselia aktiviti hartanah

*Kuantan Port Authority carry out its duties based on the power conferred through*

- Port Authorities Act, 1963
- Statutory Body Act, 1980
- Ports (Privatisation) Act, 1990 as follows:

### A. DEVELOPMENT

- a. Development planning
- b. Development implementation
- c. Development monitoring
- d. Revise/review development program

### B. TRADE FACILITATION

- a. Marketing
- b. Property management
- c. Investment activity facilitator

### C. REGULATORY

- a. Regulating port operation
- b. Regulating development activity
- c. Regulating waterway and navigational safety
- d. Regulating port area safety
- e. Regulating trade activity
- f. Regulating property activity





# Diari Aktiviti 2017

## Activities Diary 2017

MAJLIS PERJUMPAAN

Y.H. DATO' PENGURUS BESAR  
DENGAN  
ANGGOTA PEKERJA BIL.1/2017

23 JANUARI 2017  
09.00 PAGI  
DEWAN SEMINAR, TINGKAT 4



**23/1/2017**

Majlis Perjumpaan Y.H. Dato' Pengurus Besar  
Dengan Anggota Pekerja Bil 1/2017

*Vol 1/2017 General Manager Gathering  
With The Staff*



**2/3/2017**

Lawatan Daripada International Labor Organisation  
(ILO) dan Jabatan Laut Malaysia

*Visit By The International Labour Organization and The  
Marine Department of Malaysia*



**14/2/2017**

Taklimat National Blue Ocean Strategy (NBOS)  
National Blue Ocean Strategy (NBOS) Briefing



**16/3/2017**

Lawatan Daripada Y.B. Dato' Chua Tee Yong  
Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa  
Dan Industri

*Visit By The Honorable Dato' Chua Tee Yong,  
The Deputy Minister, Ministry of International Trade and Industry*



**14/3/2017**

Taklimat Ikrar Integriti Korporat  
Corporate Integrity Pledge Briefing



**12/4/2017**

Lawatan Daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)  
*Visit By The Malaysian Investment Development Authority (MIDA)*



**14-17/4/2017**

Team Building di Tadom Hill Resort, Banting Selangor  
*Team Building at Tadom Hill Resort, Banting Selangor*



**21/4/2017**

Majlis Perjumpaan Y.H. Dato' Pengurus Besar Dengan Anggota Pekerja Bil 2/2017  
*Vol. 2/2017 General Manager Gathering With The Staff*



**27/4/2017**

Majlis Persaraan En. Ahmad Annuar Bin Abu Bakar, Pengurus Kewangan dan Pentadbiran.  
*Retirement Ceremony of En. Ahmad Annuar Bin Abu Bakar, The Finance and Administration Senior Manager*



**11/6/2017**

Lawatan Daripada Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Pahang  
*Visit By The Pharmaceutical Services Division, Department of Health, Pahang Darul Makmur*



**16/6/2017**

Lawatan Daripada YB. Dato' Sri Liew Tiong Lai Menteri Pengangkutan Malaysia  
*Visit By The Honorable Dato' Sri Liew Tiong Lai, Malaysian Transport Minister*



# Diari Aktiviti 2017

## Activities Diary 2017



**7/7/2017**

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2017  
*Hari Raya Aidilfitri 2017 Celebration*



**31/8/2017**

Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-60 Peringkat Negeri Pahang  
*The 60th Pahang State Level National Day Celebration*



**6/9/2017**

Lawatan Daripada Malaysia-China Chamber of Commerce  
*Visit By The Malaysia-China Chamber of Commerce*



**13/9/2017**

Taklimat Daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pahang  
*Briefing By The Pahang State Royal Malaysian Customs Department*



**25/9/2017**

Majlis Perjumpaan Y.H. Dato' Pengerusi Besar Dengan Anggota Pekerja Bil 3/2017

*Vol. 3/2017 General Manager Gathering With The Staff*



**4-8/10/2017**

Penyeriaan LPKtn di FIATA WORLD CONGRESS 17 KLCC Kuala Lumpur

*LPKtn Participation at FIATA WORLD CONGRESS 17 KLCC Kuala Lumpur*



**14-15/10/2017**

Penganjuran Kejohanan Badminton ASEAN Ports Association Malaysia (MAPA) Sempena Hari Sukan Negara 2017  
Organizing ASEAN Ports Association Malaysia (MAPA) Badminton Tournament In Conjunction With 2017 National Sports Day



**1/11/2017**

Kursus Pengurusan Perolehan di Lembaga Pelabuhan Kuantan

*Procurement Management Course at Kuantan Port Authority*



**27/12/2017**

Taklimat dan Lawatan Daripada YM. Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibbi Tengku Abdullah Al-Haj ke Tapak Projek Terminal Baru Laut Dalam (NDWT) Pelabuhan Kuantan

*Briefing and Visit By YM Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Ibbi Tengku Abdullah Al-Haj to The Kuantan Port New Deep Water Terminal (NDWT) Project Site*



# Jemaah Lembaga *Board Members*



**Y.M. TAN SRI TENGKU AZLAN  
IBNI SULTAN ABU BAKAR**  
P.S.M., S.S.A.P., S.P.T.J., D.S.A.P., S.I.M.P.

**Pengerusi**  
*Chairman*

**Y.BHG. DATO'  
CHUA KOK CHING**  
D.I.M.P.

**Timbalan Pengerusi**  
*Vice Chairman*

**Kementerian  
Pengangkutan  
Malaysia**  
*Ministry of Transport  
Malaysia*

**Y.H. DATO'  
KHAIRUL ANUAR BIN  
ABDUL RAHMAN**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.

**Pengurus Besar**  
*General Manager*

## AHLI-AHLI MEMBERS

**Y.H. DATO'  
SUHAIMI BIN  
MOHD YUNUS**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.,  
A.A.P., A.M.P.

**Timbalan Setiausaha  
Kerajaan  
(Pembangunan)  
Pejabat Setiausaha  
Kerajaan Negeri  
Pahang**

*Deputy Secretary of State  
(Development) Pahang  
State Secretariat Office*

**Y.BHG. DATO'  
HAJJAH  
NORAH BINTI  
SHAHARUDDIN**  
D.I.M.P.

**Kementerian  
Kewangan  
Malaysia**  
*Ministry of  
Finance  
Malaysia*



**Y.BHG. DATO'  
KHAIRIL ANUAR  
BIN AZIZ**  
D.I.M.P.  
Felda Global Venture  
Holdings Berhad

**Y.BHG. DATO'  
MOHAMAD  
RADHI BIN  
ABDUL RAZAK**  
D.I.M.P.  
**Unit Perancangan  
Ekonomi, Jabatan  
Perdana Menteri**  
*Economic Planning  
Unit, Prime Minister's  
Department*

**Y.H. DATO' SRI  
TI LIAN KER**  
S.S.A.P., D.S.A.P.,  
D.I.M.P., J.M.N.

**Y.H. DATO' SRI  
LEE JIN XIAN**  
D.I.M.P., S.M.P.,  
K.M.N., A.M.N.

**Y.H. DATO'  
HOW CHEE  
LEAN**  
D.I.M.P.



## Jawatankuasa Audit Dalam *Internal Audit Committee*

### PENGERUSI **CHAIRMAN**

Kementerian Pengangkutan Malaysia  
**Y.Bhg. Dato' Chua Kok Ching**  
D.I.M.P.

Ministry of Transport Malaysia  
**Y.Bhg. Dato' Chua Kok Ching**  
D.I.M.P.

### AHLI-AHLI **MEMBERS**

Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Kuantan  
**Y.H. Dato' Khairul Anuar Bin Abdul Rahman**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.

General Manager, Kuantan Port Authority  
**Y.H. Dato' Khairul Anuar Bin Abdul Rahman**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.

Kementerian Kewangan Malaysia  
**Y.Bhg. Dato' Hajjah Noriah Binti Shahrudin**  
D.I.M.P.

Ministry of Finance Malaysia  
**Y.Bhg. Dato' Hajjah Noriah Binti Shahrudin**  
D.I.M.P.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang  
**Y.H. Dato' Suhaimi Bin Mohd Yunus**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., A.A.P., A.M.P.

Pahang State Secretariat Office  
**Y.H. Dato' Suhaimi Bin Mohd Yunus**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., A.A.P., A.M.P.

Felda Global Venture Holdings Berhad  
**Y.Bhg. Dato' Khairil Anuar Bin Aziz**  
D.I.M.P.

Felda Global Venture Holdings Berhad  
**Y.Bhg. Dato' Khairil Anuar Bin Aziz**  
D.I.M.P.

**Y.H. Dato' How Chee Lean**  
D.I.M.P.

**Y.H. Dato' How Chee Lean**  
D.I.M.P.

## Jawatankuasa Perancangan & Kewangan *Planning & Finance Committee*

### PENGERUSI **CHAIRMAN**

**Y.M. Tan Sri Tengku Azlan Ibni Sultan Abu Bakar**  
P.S.M., S.S.A.P., S.P.T.J., D.S.A.P., S.I.M.P.

**Y.M. Tan Sri Tengku Azlan Ibni Sultan Abu Bakar**  
P.S.M., S.S.A.P., S.P.T.J., D.S.A.P., S.I.M.P.

### AHLI-AHLI **MEMBERS**

Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Kuantan  
**Y.H. Dato' Khairul Anuar Bin Abdul Rahman**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.

General Manager, Kuantan Port Authority  
**Y.H. Dato' Khairul Anuar Bin Abdul Rahman**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.

**Wakil**  
Kementerian Pengangkutan Malaysia

**Representative**  
Ministry of Transport Malaysia

**Wakil**  
Kementerian Kewangan Malaysia

**Representative**  
Ministry of Finance Malaysia

**Wakil**  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

**Representative**  
Economic Planning Unit, Prime Minister's Department



## Jawatankuasa Pemaliman *Pilotage Committee*

### PENGERUSI

Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Kuantan  
**Y.H. Dato' Khairul Anuar Bin Abdul Rahman**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.

### AHLI-AHLI

**Wakil**  
Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia

**Wakil**  
Ketua Pengarah, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia

Setiausaha Eksekutif  
Persatuan Pemilik-Pemilik Kapal Malaysia  
**Kapten Haji Mohd Noor Bin Kasim**

Pengurus Kanan (Operasi dan Kawalselia)  
Lembaga Pelabuhan Kuantan  
**Y.H. Dato' Asmawi Bin Nordin**  
D.I.M.P.

### CHAIRMAN

General Manager, Kuantan Port Authority  
**Y.H. Dato' Khairul Anuar Bin Abdul Rahman**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.

### MEMBERS

**Representative**  
Secretary General, Ministry of Transport Malaysia

**Representative**  
Director General, Marine Department Peninsular Malaysia

Executive Secretary  
Malaysian Shipowners' Association  
**Captain Haji Mohd Noor Bin Kasim**

Senior Manager (Operations and Regulatory)  
Kuantan Port Authority  
**Y.H. Dato' Asmawi Bin Nordin**  
D.I.M.P.

## Jawatankuasa Perjawatan & Perkhidmatan *Personnel & Service Committee*

### PENGERUSI

Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Kuantan  
**Y.H. Dato' Khairul Anuar Bin Abdul Rahman**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.

### AHLI-AHLI

**Wakil**  
Kementerian Pengangkutan Malaysia

**Wakil**  
Pejabat Setiausaha, Kerajaan Negeri Pahang

**Encik Abd. Patah Bin Mohd Roslan**  
Pengurus Pentadbiran dan Integriti – Setiausaha

### CHAIRMAN

General Manager, Kuantan Port Authority  
**Y.H. Dato' Khairul Anuar Bin Abdul Rahman**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.

### MEMBERS

**Representative**  
Ministry of Transport Malaysia

**Representative**  
Pahang State Secretariat Office

**Mr. Abd. Patah Bin Mohd Roslan**  
Administration Manager and Integrity – Secretary

## Jawatankuasa Whistle Blowing *Whistle Blowing Committee*

### PENGERUSI

Pengurus Besar, Lembaga Pelabuhan Kuantan  
**Y.H. Dato' Khairul Anuar Bin Abdul Rahman**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.

### AHLI-AHLI

**Wakil**  
Ahli Lembaga

**Wakil**  
Pengurus Kanan Lembaga Pelabuhan Kuantan

**Encik Abd. Patah Bin Mohd Roslan**  
Pengurus Pentadbiran dan Integriti – Setiausaha

### CHAIRMAN

General Manager, Kuantan Port Authority  
**Y.H. Dato' Khairul Anuar Bin Abdul Rahman**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.

### MEMBERS

**Representative**  
Board Member

**Representative**  
Senior Manager Kuantan Port Authority

**Mr. Abd. Patah Bin Mohd Roslan**  
Administration Manager and Integrity – Secretary



# Carta Organisasi

## Organisation Chart

**PENGERUSI &  
AHLI-AHLI LEMBAGA**  
*Chairman &  
Board Members*

**PENGURUS BESAR**  
*General Manager*

**JAWATANKUASA  
AUDIT DALAM**  
*Internal Audit  
Committee*

**JAWATANKUASA  
PERJAWATAN &  
PERKHIDMATAN**  
*Personnel &  
Service Committee*

**JAWATANKUASA  
PEMALIMAN**  
*Pilotage  
Committee*

**JAWATANKUASA  
PERUNDING  
PELABUHAN**  
*Port Consultative  
Committee*

**JAWATANKUASA  
WHISTLE  
BLOWING**  
*Whistle Blowing  
Committee*

**JAWATANKUASA  
PERANCANGAN &  
KEWANGAN**  
*Planning & Finance  
Committee*

**KORPORAT DAN  
PEMBANGUNAN**  
*Corporate and  
Development*

**KEWANGAN DAN  
PENTADBIRAN**  
*Finance and  
Administration*

**OPERASI DAN  
KAWALSELIA**  
*Operations and  
Regulatory*



# Pengurusan *Management*



**Y.H. DATO'  
KHAIRUL ANUAR  
BIN ABDUL RAHMAN**  
D.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P.  
**Pengurus Besar**  
*General Manager*

**ENCIK AHMAD ANNUAR  
BIN ABU BAKAR**  
**Pengurus Kanan**  
(Kewangan dan  
Pentadbiran)  
*Senior Manager  
(Finance and  
Administration)*

**Sehingga 8 Mei 2017**  
*Until 8 May 2017*

**ENCIK MOHD IDI AMIN  
BIN SALLEH**  
**Pengurus Kanan**  
(Korporat dan  
Pembangunan)  
*Senior Manager  
(Corporate and  
Development)*

**Y.H. DATO'  
ASMAWI  
BIN NORDIN**  
D.I.M.P.  
**Pengurus Kanan**  
(Operasi dan  
Kawalselia)  
*Senior Manager  
(Operations and  
Regulatory)*





# Perutusan Pengerusi

## *Chairman's Foreword*



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera**

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan izinNya Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn) dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2017 yang akan menjadi sumber maklumat dan rujukan pelbagai pihak. Semoga Laporan Tahunan 2017 ini dapat memberikan faedah kepada semua yang berkenaan.

**Y.M. TAN SRI TENGGU AZLAN  
IBNI SULTAN ABU BAKAR**

P.S.M., S.S.A.P., S.P.T.J., D.S.A.P., S.I.M.P.

**Pengerusi  
Chairman**

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Greetings,***

*I am grateful to the Almighty that with His blessing, Kuantan Port Authority (LPKtn) is able to produce the Year 2017 Annual Report which shall become a source of information and reference for various parties. I hope this Year 2017 Annual Report would benefit all concerned.*





Tahun ini, sekali lagi memperlihatkan LPKtn meneruskan usaha-usaha pembangunan di Pelabuhan Kuantan. Dalam merealisasikan perancangan ini, LPKtn telah melaksanakan fungsi dan peranannya selaku badan kawalselia Pelabuhan Kuantan dengan sebaik mungkin bagi menjadikan Pelabuhan Kuantan sebagai sebuah pelabuhan yang maju lengkap dengan pelbagai kemudahan dan infrastruktur moden dan terkini. Saya amat gembira dan berkeyakinan untuk bersama-sama LPKtn

dalam mengharungi arus pembangunan yang akan membawa Pelabuhan Kuantan ke satu tahap baru, yang mempunyai keupayaan untuk bersaing dengan pelabuhan-pelabuhan utama dunia.

Prestasi kewangan LPKtn pada tahun 2017 adalah baik dengan pendapatan sebanyak 17.02 juta iaitu susut sebanyak 7.2 peratus berbanding RM18.34 juta pada tahun 2016. Perbelanjaan operasi bagaimanapun jatuh dari RM15.40 juta kepada RM15.13 juta. Pada tahun 2017, LPKtn mencatat keuntungan selepas cukai sebanyak RM1.98 juta dari kendalian aktiviti biasanya.

Pada tahun 2017, kerja-kerja pembangunan Pelabuhan Kuantan terus giat dilaksanakan.



*Once again, this year shows LPKtn continues its efforts in the development of Kuantan Port. To realize this planning, LPKtn has carried out its functions and roles as the regulatory body of Kuantan Port as effective as possible to make Kuantan Port an advanced port, equipped with various facilities and with modern and latest infrastructures. I am very pleased and confident to be together with LPKtn in wading through the tide of development which shall bring Kuantan Port to a new level, capable to compete with other leading ports in the world.*

*The financial performance of LPKtn in 2017 was commendable with income of RM17.02 million which was 7.2 percent million lower compared to the RM18.34 million in 2016. Operating expenses however drop from RM15.40 million to RM15.13 million. In 2017, LPKtn recorded profit after tax of RM1.98 million from its regular handling activities.*

*In 2017, development works in Kuantan Port continued to be extensively carried out.*





Projek bernilai lebih RM4 billion ini menerima maklum balas positif daripada pelabur dan menjadi faktor penarik kepada pelabur untuk menanam modal di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) khususnya di Pelabuhan Kuantan. Pembesaran Pelabuhan Kuantan terbahagi kepada Fasa 1 dan Fasa 2 dan akan siap secara berperingkat. Fasa 1A sepanjang 400 meter dijangka siap pada Ogos 2018 manakala Fasa 1B sepanjang 600 meter pula dijangka siap pada suku kedua tahun 2019.



Sementara itu, Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. (KPC) sebagai pemegang konsesi dan pengendali pelabuhan, telah melaksanakan kerja pengerukan

dan penambahan, serta pembinaan dermaga, bangunan, infrastruktur dalaman dan kemudahan lain sepertimana yang dirancang. Sumbangan dan komitmen dari Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd dalam memajukan Pelabuhan Kuantan juga adalah penting dan amat dihargai dan saya ucapkan ribuan terima kasih.

Berkat usaha semua pihak, pengendalian kargo oleh KPC adalah baik yang mana pengendalian kargo bagi tahun 2017 keseluruhannya meningkat sebanyak 6.9 peratus iaitu dari 16,340,512 tan pada tahun 2016 kepada 17,462,343 tan untuk tempoh yang sama tahun ini. Bilangan kapal yang dikendalikan juga meningkat dari 1,820 buah pada tahun 2016 kepada 1,924 buah pada tahun 2017, peningkatan sebanyak 5.7 peratus. Dari segi pengendalian kontena, sejumlah 147,041 TEUs telah dikendalikan pada tahun 2017 berbanding dengan 141,639 TEUs pada tahun 2016, peningkatan sebanyak 3.8 peratus.

Sekalung penghargaan diberikan kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur serta agensi-agensi Kerajaan lain atas kerjasama dan sokongan demi perkembangan Pelabuhan Kuantan yang mampan pada masa hadapan.

*This more than RM4 billion project received positive feedbacks from the investors and has become a pulling factor for these investors to invest in the East Coast Economic Region (ECER) specifically in Kuantan Port. Expansion of Kuantan Port is divided into Phase 1 and Phase 2 and shall be completed in stages. Phase 1A of 400 metres is expected to be completed in August 2018 while Phase 1B of 600 metres is expected to be completed in the second quarter of 2019.*

*Meanwhile, Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. (KPC) as the concession holder and the port operator, has carried out dredging and land reclamation works, as well as constructing the wharf, buildings, internal infrastructure and other facilities as has been planned. Contribution and commitment by KPC in the development of Kuantan Port are significant and are very much appreciated.*

*Through the ventures by all parties, cargo handling by KPC has been commendable whereby overall cargo handling in 2017 has increased by 6.9 percent namely from 16,340,512 tonnes in 2016 to 17,462,343 tonnes for same period this year. The number of ship calls has also increased from 1,820 vessels in 2016 to 1,924 vessels in 2017, an increase by 5.7 percent. In respect of container handling, a total of 147,041 TEUs have been handled in 2017 compared to 141,639 TEUs in 2016, an increase by 3.8 percent.*

*My greatest appreciation is extended to the Federal Government, Pahang Darul Makmur State Government and other government agencies for the cooperation and supports given for the sake of sustainable development of Kuantan Port in the future.*

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada semua pengguna-pengguna Pelabuhan Kuantan yang telah memberi sokongan yang padu dalam menjamin perkembangan Pelabuhan Kuantan yang berdaya maju. Tidak ketinggalan, saya juga mengucapkan terima kasih kepada KPC selaku operator Pelabuhan Kuantan yang telah melaksanakan tanggungjawab dan amanah Kerajaan dengan berkesan bagi memastikan perkhidmatan yang optimum diberikan kepada pengguna-pengguna pelabuhan ke arah persekitaran aktiviti pelabuhan yang harmoni.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga LPKtn atas kerjasama yang ditunjukkan. Saya berharap agar sikap kerjasama yang ditunjukkan ini akan berterusan pada masa-masa akan datang bagi memastikan kualiti perkhidmatan sentiasa berada pada tahap yang tinggi. Semoga pencapaian sepanjang tahun 2017 ini dapat dijadikan pengukur kepada perancangan pelaksanaan program dan projek pembangunan akan datang.

Adalah diharapkan tahun 2018 dapat diharungi dengan lebih cemerlang dan lebih ceria.

Sekian, terima kasih.



*My appreciation is also extended to all Kuantan Port users who have given solid supports to ensure development and competitiveness of Kuantan Port. Not to forget, my appreciation to KPC as the Kuantan Port operator for effectively carrying out the responsibility and obligation entrusted by the Government to ensure optimum services are rendered to the port users aiming towards harmonious environmental port activities.*

*Lastly, I would like to extend my heartfelt appreciation to all staff of LPKtn for the cooperation given to each other. I hope that this cooperation would continue to prevail in the future to ensure quality services are always at the highest level. May the achievement throughout the year 2017 be the benchmark for future program and development projects planning and implementation.*

*I hope that the year 2018 would be more excellent and brighter for LPKtn.*

*Thank you.*

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Azlan'.

**Y.M. TAN SRI TENGGU AZLAN  
IBNI SULTAN ABU BAKAR**  
P.S.M., S.S.A.P., S.P.T.J., D.S.A.P., S.I.M.P.

**Pengerusi  
Chairman**



# **Prestasi Tahun 2017**

## ***Year 2017 Performance***

- 19 **Hartanah**  
*Properties*
- 20 **Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat,  
Sistem Kualiti dan 5S**  
*Information Security Management System,  
Quality System and 5S*
- 21 **Pentadbiran**  
*Administration*
- 22 **Teknologi Maklumat**  
*Information Technology*
- 23 **Operasi**  
*Operation*
- 23 **Perhubungan Pengurusan**  
*Management Relations*
- 24 **Pembangunan**  
*Development*
- 25 **Perestasi Pengendalian Kargo  
dan Kapal Oleh KPC**  
*KPC Cargo and Vessel Handling  
Performance*
- 26 **Perancangan dan Prospek 2018**  
*2018 Planing and Prospects*



# Hartanah

## Properties

Lembaga Pelabuhan Kuantan telah menandatangani Perjanjian Penswastaan Pelabuhan Kuantan yang baru pada 16 Jun 2015. Di antara perkara-perkara yang terlibat di bawah penswastaan ini adalah projek pembesaran Pelabuhan Kuantan yang melibatkan tanah milik LPKtn dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Projek pembesaran Pelabuhan Kuantan melibatkan tiga lot milik LPKtn yang bersebelahan tanah tambahan beserta satu tanah tambahan baru telah dipohon oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) daripada Kerajaan Negeri bagi projek pembesaran Pelabuhan Kuantan.

Urusan pajakan tiga lot tanah milik LPKtn yang diserahkan kepada PTP dan satu lot tanah milik PTP telah selesai dilaksanakan dalam tahun 2017 dan telah dipajak kecil kepada KPC untuk tempoh selama 30 tahun.



*LPKtn has signed a new Kuantan Port Privatization Agreement on 16 June 2015. Among the terms of the new agreement is expansion of Kuantan Port, involving lands belonging to LPKtn and the Federal Lands Commissioner (FLC).*

*The Kuantan Port expansion project involves three lots of land belonging to LPKtn which are adjacent to the existing reclaimed land and a new reclaimed*

*land area applied by FLC from the State Government for the Kuantan Port expansion project.*

*Leasing of the three lots of land belonging to LPKtn to FLC and the other lot belonging to FLC has been completed in 2017 and thereafter sub-leased to KPC for a period of 30 years.*





# Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat, Sistem Kualiti dan 5S

## *Information Security Management System, Quality System and 5S*

Pada tahun 2017 LPKtn telah berjaya memperoleh persijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang mana sah sijil ini adalah daripada 27 September 2017 hingga 26 Disember 2019.

LPKtn telah membuat perubahan kepada skop persijilan LPKtn yang mana ia berkait rapat dengan fungsi utama LPKtn selaku pengawal selia Pelabuhan Kuantan. Skop baru persijilan ialah "Kawalselia Pengendalian Kargo di Pelabuhan Kuantan".

Persijilan MS ISO 9001:2008 LPKtn telah berjaya dinaik taraf kepada persijilan MS ISO 9001:2015. Tempoh

sah sijil adalah sehingga 17 Ogos 2018. Ini adalah selaras dengan usaha untuk memastikan sistem kualiti ini berterusan ditingkatkan agar ia sentiasa kemas kini serta teratur.

Sijil Amalan Persekitaran Berkualiti 5S yang bertujuan mewujudkan persekitaran kerja yang bersih, kemas dan sistematik yang diperoleh oleh LPKtn daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada tahun 2011 telah berjaya dikekalkan. Tempoh sah sijil ini adalah selama setahun mulai 29 Disember 2017 sehingga 28 Disember 2018.



*In 2017, LPKtn has successfully been awarded with the Information Security Management System (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 certification from SIRIM QAS International Sdn. Bhd. valid from 27 September 2017 until 26 December 2019.*

*LPKtn has made some amendments to LPKtn certification scope where it is closely related to the main function of LPKtn as the regulator of Kuantan Port. The new scope of the certification is "Regulating of Cargo Handling in Kuantan Port".*

*LPKtn certification of the MS ISO 9001:2008 has been successfully upgraded to MS ISO 9001:2015. The*

*certification period is valid until 17 August 2018. This is in line with the effort to ensure that the quality system is continuously being improved in order to keep being updated and in order.*

*The Quality Environment Certification (5S) aimed to create clean, tidy and systematic working environment obtained by LPKtn from the Malaysian Productivity Corporation (MPC) in 2011 has been successfully retained. The certification period is for one year, from 29 December 2017 until 28 December 2018.*



# Pentadbiran *Administration*

Di dalam tahun 2017, jumlah perjawatan yang wujud di LPKtn adalah sebanyak 43 jawatan yang mana 41 jawatan telah diisi.

*In the year 2017, a total of 41 out of 43 positions available in LPKtn has been filled.*





# Teknologi Maklumat

## Information Technology


Usaha bagi meningkatkan sistem perkhidmatan kepada pengguna terus dijalankan dalam tahun 2017. LPKtn telah menambahbaik rangkaian sedia ada dengan pembelian pelayan maya bagi Pusat Pemulihan Bencana LPKtn (Disaster Recovery Centre (DRC)) di MAMPU, Putrajaya. Ini bagi membolehkan proses penyegerakan, padanan, sandaran, suapan secara langsung dan virtualisasi lebih lancar di antara Pusat Data (Data Centre) LPKtn dan Pusat Pemulihan Bencana (DRC) LPKtn.

Usaha-usaha bagi membangunkan dan menaiktaraf sistem-sistem terus giat dilaksanakan. LPKtn telah membangunkan Sistem e-Knowledge (Sistem Info) bagi mempertingkatkan dan menambahbaik penyampaian perkhidmatan dan maklumat kepada pengguna dalaman dan

luaran. Sistem ini berupaya memberi manfaat dalam meningkatkan prestasi sistem penyampaian perkhidmatan dengan memendekkan masa penyampaian perkhidmatan, mudah dan sentiasa boleh dicapai oleh pelanggan.

LPKtn juga sedang dalam proses menaiktaraf Sistem e-DG pada tahun 2017 dan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2018. Sistem pengisytiharan Kargo Berbahaya sedia ada telah gunapakai semenjak tahun 2001 dan telah melalui beberapa fasa penambahbaikan bagi memasukkan keperluan semasa.

Pengurusan keselamatan sistem komputer terus dilaksanakan bagi menjamin sistem yang stabil ke arah pemberian perkhidmatan kepada pengguna luaran ataupun dalaman.



*Efforts to improve the service system to the users continued to be carried out in 2017. LPKtn has improved the existing network with the acquisition of the virtual server for the Disaster Recovery Centre (DRC) in MAMPU, Putrajaya. This would enable smooth synchronization, matching, reliance, direct feeding and virtualization process between the LPKtn Data Centre and the LPKtn DRC.*

*Efforts to develop and upgrade the systems continued to be actively implemented. LPKtn has developed the e-Knowledge System to upgrade and improve the services and information delivery to both internal and external users. This system would*

*increase the performance of the services transmission system by reducing the services transmission time, convenient and readily accessible by the clients.*

*LPKtn is in the midst of upgrading the e-DG System since 2017 which is expected to be fully completed in the middle of 2018. The existing Dangerous Goods Declaration System has been in use since 2001 and has underwent several phases of improvement to include the current needs.*

*The computer security management system continued to be implemented to ensure stable systems towards providing services to external as well as internal users.*





# Operasi *Operation*

Selaku badan kawalselia, LPKtn bertanggungjawab untuk memastikan KPC selaku pengendali pelabuhan menjalankan tugasnya mengikut undang-undang dan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian dan lesen operasi yang dikeluarkan.

LPKtn telah menguatkuasakan Pemakaian Skema Latihan Malim Pelabuhan Kuantan untuk Kuantan Port Deep Water Terminal (NDWT) pada 23 Oktober 2017. Skema latihan ini adalah bagi mengemaskini struktur pelesenan dan keperluan latihan malim dalam melaksanakan operasi pemaliman di Terminal Baru Laut Dalam (NDWT) dan akan berkuatkuasa pada tahun 2018.

Kerja-kerja pengawasan terhadap prestasi KPC dilaksanakan daripada masa ke semasa terutamanya berhubung pengendalian kargo dan kapal melalui laporan-laporan yang dikemukakan kepada LPKtn serta melalui audit operasi yang melibatkan lawatan tapak.

LPKtn terus komited dalam mengawal selia kapal dan kemudahan Pelabuhan di bawah Kod ISPS yang mana persijilan semula oleh Jabatan Laut Malaysia dijadualkan pada tahun 2019.

*As the regulating body, LPKtn is responsible to ensure that KPC, as the port operator duly executes its duties according to the laws and conditions that have been outlined in the agreement and the operating license issued.*

*LPKtn has enforced the Application Of The New Pilotage Training Scheme For Kuantan Port New Deep Water Terminal (NDWT) on 23 October 2017. This training scheme is to update the port pilot licensing structure and pilot training needs during the implementation of the pilotage operation at the NDWT that shall be enforced in 2018.*

*Monitoring the performance of KPC is being carried out from time to time especially in relation to the cargo and vessel handling through the reports submitted to LPKtn as well as through auditing operations which involve site visits.*

*LPKtn continues to be committed in the vessel and facilities supervision under the ISPS Codes which re-certification by the Marine Department of Malaysia is scheduled in 2019.*

# Perhubungan Pengurusan *Management Relations*

Selaras dengan Dasar Persyarikatan Malaysia, kerjasama dan sokongan diberikan oleh LPKtn kepada KPC selaku sektor swasta yang bertindak sebagai enjin penggerak bagi menyumbang ke arah pembangunan Pelabuhan Kuantan. Ia adalah selari dengan status LPKtn sebagai sebuah agensi Kerajaan yang sentiasa peka tentang pentingnya perhubungan yang rapat dan mesra dengan KPC.

Perbincangan secara berkala dengan KPC sentiasa diadakan terutamanya berhubung aspek kawal selia bagi menjamin kepuasan pengguna terhadap perkhidmatan yang diberikan.

*In line with the Malaysia Incorporated Policy, cooperation and supports are given by LPKtn to KPC, the private sector acting as the driving vehicle towards development of Kuantan Port. This is in line with the status of LPKtn as a government agency that is always aware on the importance of good cordial relationship with KPC.*

*Periodical discussions with KPC are frequently held especially pertaining to the supervisory aspect to guarantee customer satisfaction with the services rendered.*





# Pembangunan *Development*

Pada tahun 2017, kerja-kerja pembangunan Pelabuhan Kuantan terus giat dilaksanakan. Projek ini dilaksanakan oleh ECERDC dengan kerjasama LPKtn dan KPC bagi menjamin Pelabuhan Kuantan terus berkembang dengan pesatnya.

Pembesaran Pelabuhan Kuantan terbahagi kepada Fasa 1 dan Fasa 2 dan akan siap secara berperingkat. Fasa 1A sepanjang 400 meter dijangka siap dan mula beroperasi pada September 2018 manakala Fasa 1B sepanjang 600 meter pula dijangka siap pada suku kedua tahun 2019. Fasa 2 pula bergantung kepada permintaan kargo pada masa depan.

Projek ini juga turut mengaplikasikan teknologi mesra alam dalam pembinaannya. Antaranya, pembinaan "Dust Suppression Barrier" setinggi 13 meter dan "tubular conveyor belt" sepanjang 12 km dari Pelabuhan Kuantan ke MCKIP. Conveyor belt ini berfungsi untuk membawa kargo secara terus tanpa pencemaran udara ke kawasan kompleks "integrated steel plant".

Cadangan penubuhan Zon Bebas Pelabuhan Kuantan secara berfasa telah mendapat kelulusan

*In 2017, development works in Kuantan Port continued to be actively carried out. The project, carried out by ECERDC in cooperation with LPKtn and KPC to ensure Kuantan Port continues to rapidly develop.*

*Expansion of Kuantan Port is divided into Phase 1 and Phase 2 and shall be completed in stages. Phase 1A of 400 metres is expected to be completed in August 2018 while Phase 1B of 600 metres is expected to be completed in the second quarter of 2019. Construction of Phase 2 would depend on future demand.*

*This project also applies environmental friendly technologies in its construction. This include erection of 13 metres high dust suppression barrier and a 12 km tubular conveyor belt from Kuantan Port to MCKIP. This conveyor belt would carry cargo to the intergrated steel plant complex site without polluting the air.*

dasar dari Kementerian Kewangan Malaysia. Dengan kelulusan ini, kerja-kerja untuk pewartaan dan pembangunan zon bebas Fasa 1 terus giat dilaksanakan di Pelabuhan Kuantan. Setelah diwartakan kelak, Pelabuhan Kuantan akan berfungsi sebagai pelabuhan zon bebas. Dengan adanya status zon bebas akan memberikan kelebihan kepada Pelabuhan Kuantan untuk menembusi pasaran baharu dalam sektor "transshipment" berbanding ketika ini hanya cenderung kepada import dan eksport sahaja.

Pembangunan kemudahan dan perkhidmatan di sekitar Pelabuhan Kuantan juga dilaksanakan bagi melengkapkan pembangunan Pelabuhan Kuantan. Pembinaan Laluan Keretapi Pantai Timur (ECRL) yang menghubungkan Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Klang akan menjadi pemangkin untuk menarik pelaburan asing. Kedudukan strategik Pelabuhan Kuantan turut diperkukuhkan lagi dengan adanya beberapa taman perindustrian baru. Salah satunya, Taman Perindustrian Kuantan Malaysia-China (MCKIP) yang terletak 12 km dari Pelabuhan Kuantan dan kini telah menarik pelaburan domestik dan asing berjumlah RM26.9 billion.

*The proposal to establish the Kuantan Port Free Zone in phases has obtained approval in principle from the Finance Ministry of Malaysia. With this approval, construction and development works required for the Phase 1 to be gazetted as Free Zone has been actively carried out in Kuantan Port. Upon being gazetted, Kuantan Port shall operate as a free zone port. With the free zone status, Kuantan Port would have the advantage to penetrate a new market in the transshipment sector compared to the currently import and export inclination activity.*

*Development of the facilities and services around Kuantan Port was also being carried out to complete the development of Kuantan Port. Construction of East Coast Rail Link (ECRL) connecting Kuantan Port and Klang Port would act as a catalyst to attract foreign investors. The strategic location of Kuantan Port would also be strengthen with existence of new industrial parks. One of them, the Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP) located 12 km from Kuantan Port which has attracted domestic and foreign investments of RM26.9 billion.*



# Prestasi Pengendalian Kargo dan Kapal Oleh KPC

## *KPC Cargo and Vessel Handling Performance*

Pengendalian kargo bagi tahun 2017 keseluruhannya meningkat sebanyak 6.9 peratus iaitu dari 16,340,512 tan pada tahun lalu kepada 17,462,343 tan untuk tempoh yang sama tahun ini. Pengendalian kargo import meningkat sebanyak 36.7 peratus dengan jumlah pengendalian sebanyak 5,728,178 tan berbanding 4,191,834 tan pada tempoh yang sama tahun lalu. Manakala pengendalian kargo eksport menurun sebanyak 3.4 peratus yang mana sejumlah 11,734,165 tan kargo dikendalikan pada tahun 2017 berbanding 12,148,678 tan pada tempoh yang sama tahun lalu.

*Overall cargo handling in the year 2017 increased by 6.9 percent namely from 16,340,512 tonnes last year to 17,462,343 tonnes for the same period this year. Imported cargo handling increased by 36.7 percent with a total handling of 5,728,178 tonnes compared to 4,191,834 tonnes for the same period last year. Meanwhile, exported cargo handling decreased by 3.4 percent where a total of 11,734,165 tonnes of cargo was handled in 2017 compared with 12,148,678 tonnes for the same period last year.*

*In terms of vessel call, the number increased to 1,924 in 2017 from 1,820 in 2016, an increase by 5.7 percent. The number of container handled increased by 3.8 percent namely from 141,639 TEUs in 2016 to 147,041 TEUs in 2017. Overall performance indicator, either in terms of berth utilization or cargo handling was satisfactory.*

Dari segi bilangan kapal pula, bilangan persinggahan kapal meningkat dari 1,924 buah telah singgah pada tahun 2017 berbanding dengan 1,820 buah pada tahun 2016, peningkatan sebanyak 5.7 peratus. Bilangan kontena yang dikendalikan telah meningkat 3.8 peratus iaitu daripada 141,639 TEUs pada tahun 2016 kepada 147,041 TEUs pada tahun 2017. Keseluruhan petunjuk prestasi sama ada dari segi penggunaan dermaga ataupun pengendalian kargo adalah memuaskan.





# Perancangan dan Prospek 2018

## *2018 Planning and Prospects*

Pelabuhan Kuantan bakal menjadi "Port of Choice" dengan beroperasinya Fasa 1A Terminal Baru Laut Dalam pada September 2018 dan seterusnya akan menjadi hab logistik kepada negara ASEAN dan negara di rantau Asia Pasifik dengan pembesaran Pelabuhan Kuantan yang dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh dua tahun lagi. Projek bernilai lebih RM4 billion ini menerima maklum balas positif daripada pelabur dan menjadi faktor penarik kepada pelabur untuk menanam modal di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

ECERDC juga sedang melaksanakan projek-projek infrastruktur untuk menyokong pembangunan Pelabuhan Kuantan. Ini melibatkan pembangunan Tangki Air R9 bertujuan menyalurkan bekalan air terus ke Terminal Baru Laut Dalam, pembangunan

projek jalan masuk baharu dan jambatan ke Pelabuhan Baru Laut Dalam serta menaiktaraf jalan persekutuan sedia ada dan "Drain C" serta kerja-kerja berkaitan dan pembangunan projek persimpangan jenis "trumpet" yang menghubungkan pintu masuk utama Pelabuhan Kuantan dan Jalan Persekutuan (FR3). Kesemua projek ECERDC ini akan siap pada tahun 2018. Manakala infrastruktur jalan raya dari Pelabuhan Kuantan ke LPT pula akan siap pada suku ketiga tahun 2019.

Usaha-usaha pembangunan dan menaiktaraf sistem-sistem di LPKtn akan diteruskan pada tahun 2018 dengan pembangunan *e-Community Port System* dan pembangunan *Mobile Apps*. Ini bagi menjamin proses kawalselia yang teratur dan sistematik selaras dengan fungsi utama LPKtn.



*Kuantan Port shall become the Port of Choice with the operation of the New Deep Water Terminal in September 2018 and subsequently shall become the logistic hub for the ASEAN countries well as for those in the Asia Pacific region with the expansion of Kuantan Port which is expected to be fully completed in two years time. This more than RM4 billion project received positive feedbacks from the investors and has become a pulling factor for these investors to invest in the East Coast Economic Region (ECER).*

*ECERDC is also carrying out infrastructure projects to support the development of Kuantan Port. These include erection of the R9 Water Tank to supply water directly to the New Deep Water Terminal, construction of a flyover and a new entrance road*

*to the New Deep Water Terminal, upgrading of the existing federal roads and the "C Drains" and the related works and also construction of a "trumpet" junction connecting Kuantan Port main entrance gate and the Federal Road (FR3). All these ECERDC projects shall be completed in 2018. Meanwhile, the road from Kuantan Port to the East Coast Highway (LPT) shall be completed in in the third quarter of 2019.*

*Efforts to develop and upgrade the systems in LPKtn shall be continued in the year 2018 with development of the e-Community Port System and the Mobile Apps. This is to ensure a well organized and systematic regulatory process, in line with the main function of LPKtn.*





# Penyata Kewangan 2017

## 2017 Financial Statements

- 28 Sijil Ketua Audit Negara  
*Certificate of The Auditor General*
- 36 Penyata Pengerusi dan  
Seorang Ahli Lembaga Pengarah  
*Statement By  
Chairman and One Board Member*
- 36 Perakuan Oleh Pegawai Utama  
*Declaration By The Primary Officer*
- 37 Penyata Kedudukan Kewangan  
*Statement of Financial Standing*
- 38 Penyata Prestasi Kewangan  
*Statement of Financial Performance*
- 39 Penyata Perbandingan  
Bajet dan Amaun Sebenar  
*Statement of Budget  
Comparison and Actual Amount*
- 40 Penyata Perubahan Ekuiti  
*Statement of Changes in Equity*
- 41 Penyata Aliran Tunai  
*Cash Flow Statement*
- 42 Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan  
*Notes To The Financial Statements*



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 04 hingga 20.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan *Port Authorities Act 1963 (Act 488)*.

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pelabuhan Kuantan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Lembaga Pelabuhan Kuantan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan *Port Authorities Act 1963 (Act 488)*. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pelabuhan Kuantan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pelabuhan Kuantan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pelabuhan Kuantan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan *Port Authorities Act 1963 (Act 488)*, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Pelabuhan Kuantan telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

**Hal-hal Lain**


Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



**(ZAABA BIN ZAINUDDIN, C.A(M))**  
b.p.KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
21.08.2018





**AUDITOR GENERAL REPORT  
ON THE FINANCIAL STATEMENTS  
OF KUANTAN PORT AUTHORITY  
FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2017**

**Report On The Financial Statements**

**Opinion**

*The Financial Statements of Kuantan Port Authority has been audited by my representative which consist the Financial Statements, Statement of Financial Performance, Statement of Changes in Equity as well as Cash Flow Statement ended on 31 December 2017, summary of significant accounting policies and notes to the financial statements as set out on page 4 to 20.*

*In my opinion, the Financial Statements provided true and fair view of the financial position of Kuantan Port Authority as at 31 December 2017 and the financial performance together with its cash flow for the year ended are in compliance with the Malaysian standard of approved financial reporting and Port Authorities Act 1963 (Act 488).*

**Basis For Opinion**

*I have conducted the auditing pursuant to the Audit Act 1957 and The International Standards of Supreme Audit Institutions. My responsibilities are further elaborated in the paragraph of Auditors' Responsibilities towards the Financial Statements in this report. I honestly believe that the audit evidence obtained is sufficient and appropriate to form the basis of my opinion.*

**Freedom and Other Ethical Responsibilities**

*I am not bound nor answerable to Kuantan Port Authority and I have fulfilled other ethical responsibilities as entrenched in The International Standards of Supreme Audit Institutions.*

### ***Additional Information Other Than the Financial Statements and Auditors' Report***

*The Board of Kuantan Port Authority are responsible for any additional information not reported in the Annual Report. My opinion on the Financial Statements of Kuantan Port Authority is solely based on its Financial Statements and Auditors' Report and I exclude myself from making a conclusive guarantee on any other additional information not disclosed nor reported in this Annual Report.*

### ***Board Responsibilities Toward the Financial Statements***

*The Board are responsible in preparing the financial statements to reflect a true and fair financial state of Kuantan Port Authority in accordance to the Malaysian Financial Reporting Standard and Port Authorities Act 1963 (Act 488). The board are also responsible to determine the necessary form of internal control to ensure the preparation of Kuantan Port Authority Financial Statements are free from any form of misreporting either by fraud or mistake.*

*During the preparation of the Financial Statements, the Board is responsible to evaluate the capabilities of Kuantan Port Authority to continue to operate as ongoing concern, to disclose if any and to adopt the concern as its accounting basis.*

### ***Auditors' Responsibilities Toward the Financial Statements***

*My objective is to establish reasonable confidence that the Financial Statements of Kuantan Port Authority as a whole is free from any misreporting either by fraud or mistake and to produce a report which reflect my findings. Reasonable guarantee is the highest form of assurance of the auditing process done in accordance to The International Standards of Supreme Audit Institutions, but does not always guarantee the detection of misreporting. A misreporting could only occur if it can be established that there are elements of error or fraud by individuals or in aggregate which will reasonably be expected to affect the consumer's economic decisions made based on this financial statement.*

*As part of the auditing process in accordance to the International Standards of Supreme Audit Institutions, I am exercising and maintaining my professional judgments and doubts throughout. I have to:*

- a. *Identify and assess the risk of misreporting in the Kuantan Port Authority Financial Statements, either by way of fraud or error, planning and executing responsive auditing procedures to counter the risk associated and by getting adequate and suitable audit evidence to form the basis of my opinion. The risk of not detecting an obvious misreporting through fraud is higher than an error due to the fact that fraud may involve a pact, forgery, intentional omission, misrepresentation or internal control override.*
- b. *Understand the relevant internal controls to plan a suitable audit procedure but not to form an opinion on the effectiveness of Kuantan Port Authority's internal control.*
- c. *Evaluate the suitability of accounting policies adopted, reasonableness of accounting estimates and related exposures by the Board.*
- d. *Draw conclusion with regards to the accounting principles used for continued efforts by the Board and based on the audit evidence, on whether there are any significant uncertainties relating to events or circumstances which may cause any significant doubt over the capabilities of Kuantan Port Authority as a going concern. If I concluded that there are significant uncertainties, I have to report it in the Auditor's Report on the relevant disclosures relating to the Kuantan Port Authority Financial Statements or, if such disclosure is insufficient, to change my opinion on the matter. My conclusion was made based on the audit evidence obtained up to the date of the Auditor's Report.*
- e. *Evaluate whether a fair view was given to the overall presentation of the Kuantan Port Authority Financial Statements.*

*I have communicated with the Board, among others about the scope and the duration of the audit period planned as well as significant audit findings including weaknesses identified in the internal control during the audit process.*

### **Report on Legalities and Other Regulations**

*Subject to the requirement of the Port Authorities Act 1963 (Act 488), I am pleased to report that based on my opinion, the accounting and other records have been properly kept by the Kuantan Port Authority in accordance to the provisions of the Act.*

**Others**

*This report is made for the Board and not for other purposes. I shall not be liable to other parties for the content of this report.*



**(ZAABA BIN ZAINUDDIN, C.A(M)**

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

MALAYSIA

PUTRAJAYA

21.08.2018





# Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

## *Statement By Chairman and One Board Member*

Lembaga Pelabuhan Kuantan • *Kuantan Port Authority*

Kami, TAN SRI TENGKU AZLAN IBNI SULTAN ABU BAKAR dan DATO' KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL RAHMAN yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,  
*On behalf of the Board,*

Nama / *Name* : KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL RAHMAN  
Gelaran / *Title* : DATO'  
Tarikh / *Date* : 20 August 2018  
Tempat / *Place* : KUANTAN PAHANG

*We, TAN SRI TENGKU AZLAN IBNI SULTAN ABU BAKAR and DATO' KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL RAHMAN who is the Chairman and one of the Board Member of Kuantan Port Authority hereby declares that, in the opinion of the Board Members, the Financial Statements comprising the Financial Standing Statement, Financial Performance Statement, Statement of Changes in Equity, Cash Flow Statement, Budget Comparison and Actual Amount Statement together with the notes to Financial Statements therein, are prepared to show a true and fair view of the state of affairs of the Kuantan Port Authority as at 31 December 2017 and the result of its operations and changes of the financial positions of the year ended on that date.*

Bagi Pihak Lembaga,  
*On behalf of the Board,*

Nama / *Name* : TENGKU AZLAN IBNI SULTAN ABU BAKAR  
Gelaran / *Title* : TAN SRI  
Tarikh / *Date* : 20 August 2018  
Tempat / *Place* : KUANTAN PAHANG

# Perakuan Oleh Pegawai Utama

## *Declaration By The Primary Officer*

Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan  
*Responsible For The Financial Management of Kuantan Port Authority*

Saya, AHMAD GAFIDI BIN HUSSAIN, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan dan rekod-rekod perakaunan LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

*I, Ahmad Gafidi bin Hussain, the officer primarily responsible for the Financial Management and accounting records do solemnly and sincerely declare that the Financial Standing Statement, Financial Performance Statement, Statement of Changes in Equity, Cash Flow Statement, Budget Comparison and Actual Amount Statement together with the notes to Financial Statements therein are in my knowledge and belief, correct and I make this declaration conscientiously believing the same to be true and by virtue of the provisions of the Statutory Declarations Act, 1960*

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
Diakui oleh penama di atas )  
Di Kuantan, )  
Pahang Darul Makmur )  
Pada 20 haribulan Ogos 2018. )

*Subscribe and solemnly* )  
*Declared by the above named* )  
*At Kuantan, Pahang Darul Makmur* )  
*On 20 August 2018.* )

(AHMAD GAFIDI BIN HUSSAIN)

KP : 710626-06-5225

PENGURUS KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN

)

Di hadapan saya,  
*In front of me,*



# Penyata Kedudukan Kewangan

## Statement of Financial Standing

Pada 31 Disember 2017 • As At 31 December 2017

		Nota Note	2017 RM	2016 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>	<b>CURRENT ASSETS</b>			
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	PROPERTY, PLANT AND EQUIPMENT	2	122,988,689	127,504,929
ASET TAK KETARA	INTANGIBLE ASSETS	2	319,495	242,007
ASET BUKAN SEMASA LAIN	NON-CURRENT ASSETS	2	559,173	755,673
PELABURAN JANGKA PANJANG	LONG TERM INVESTMENT	3	43,726,874	37,821,826
ASET CUKAI TERTUNDA	DEFERRED TAX ASSETS	4	1,622,097	415,985
KERJA DALAM KEMAJUAN	WORK IN PROGRESS		-	286,047
			<b>169,216,328</b>	<b>167,026,467</b>
<b>ASET SEMASA</b>	<b>CURRENT ASSETS</b>			
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	Cash And Cash Equivalents		1,682,371	1,560,286
Pelaburan Jangka Pendek	Short Term Investments	5	73,326,486	73,629,235
Penghutang Perniagaan	Trade Debtors	6	1,283,414	1,525,431
Penghutang Pelbagai, Deposit Dan Prabayar	Various Debtors, Deposit And Prepaid	7	1,819,694	1,962,217
			<b>78,111,965</b>	<b>78,677,169</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>	<b>CURRENT LIABILITY</b>			
Pemiutang Dan Terakru	Creditors And Accrued	8	1,067,511	1,319,734
Peruntukan Cukai Tahun Semasa	Current Year Tax Provision	9	374,000	218,264
Peruntukkan Ganjaran Pesara	Provision of Retirement Reward	10	88,579	122,554
			<b>1,530,090</b>	<b>1,660,552</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>	<b>NET CURRENT ASSETS</b>		76,581,875	77,016,617
			<b>245,798,203</b>	<b>244,043,084</b>
<b>LIABILITI JANGKA MASA PANJANG</b>	<b>LONG TERM LIABILITIES</b>			
Geran Kerajaan Persekutuan	Federal Government Grant	11	2,069,488	2,294,231
<b>DIBIAYAI OLEH :</b>	<b>FINANCED BY :</b>			
Kumpulan Wang Pusingan;	Revolving Fund;			
- Pinjaman Kenderaan	- Vehicle Loan		700,000	700,000
- Pinjaman Komputer	- Computer Loan		150,000	150,000
Keuntungan Terkumpul	Accumulated Profit		242,878,715	240,898,853
			<b>245,798,203</b>	<b>244,043,084</b>

Nota yang disediakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan  
The note prepared is part and parcel of the financial statements



# Penyata Prestasi Kewangan

## Statement of Financial Performance

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 • For The Year Ended 31 December 2017

		Nota Note	2017 RM	2016 RM
<b>PENDAPATAN</b>	<b>INCOME</b>			
Pendapatan	Income	12	16,329,910	17,645,240
Pendapatan-pendapatan Lain	Other Income		464,727	474,124
Pelunasan Geran Kerajaan	Government Grant Amortisation		224,744	224,744
Keuntungan Pelupusan Aset	Profit From Disposal of Assets		799	78
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>TOTAL INCOME</b>		<b>17,020,180</b>	<b>18,344,186</b>
<b>PERBELANJAAN</b>	<b>EXPENDITURE</b>			
Kos Kakitangan	Employee Cost	13	4,183,337	4,821,646
Penyelenggaraan Dan Pembaikan	Maintenance And Repair	14	1,459,466	1,341,423
Pentadbiran Dan Pengurusan	Administration And Management	15	4,629,389	4,199,543
Susutnilai Hartanah, Loji Dan Peralatan	Depreciation of Property, Plant And Equipment	2	4,854,580	5,034,290
Perbelanjaan Cukai GST	GST Tax Expenses		706	6,276
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>TOTAL EXPENDITURE</b>		<b>15,127,478</b>	<b>15,403,178</b>
<b>Keuntungan Sebelum Cukai</b>	<b>Profit Before Taxation</b>		<b>1,892,702</b>	<b>2,941,008</b>
Cukai	Tax	16	87,160	(934,685)
<b>Keuntungan Bersih Bagi Tahun Semasa</b>	<b>Net Profit For Current Year</b>		<b>1,979,862</b>	<b>2,006,323</b>

Nota yang disediakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan  
 The note prepared is part and parcel of the financial statements



# Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar

## *Statement of Budget Comparison and Actual Amount*

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 • For The Year Ended 31 December 2017

		AMAUN DIBAJET AMOUNT BUDGETED		AMAUN SEBENAR BOLEH BANDING 2017 COMPARABLE ACTUAL AMOUNT 2017 RM	PERBEZAAN BAJET AKHIR 2017 & 'SEBENAR 2017 DIFFERENCE OF FINAL & ACTUAL BUDGET 2017 RM	PERATUS PERCENTAGE %
		ASAL 2017 ORIGINAL 2017 RM	AKHIR 2017 FINAL 2017 RM			
<b>PENDAPATAN</b>	<b>INCOME</b>					
Sewa Pajak Tahunan	<i>Yearly Mortgage</i>	5,571,694	5,571,593	5,571,593	0	0.00%
Pajakan Tanah Tambakan	<i>Additional Land Mortgage</i>	379,818	283,960	478,530	194,570	68.52%
Perkongsi Pajakan Tanah 30%	<i>30% Shared Land Mortgage</i>	7,579,331	7,579,331	5,825,776	(1,753,555)	-23.14%
Pendapatan Dari Lebihan Kargo	<i>Income From Cargo Excess</i>	1,200,000	-	-	-	0.00%
Lesen Tahunan	<i>Yearly License</i>	100,000	100,000	100,000	-	0.00%
Lesen Perkhidmatan Pelabuhan	<i>Port Services License</i>	18,000	53,000	47,500	(5,500)	-10.38%
Sewaan Pejabat	<i>Office Rental</i>	230,088	230,088	242,527	12,439	5.41%
Faedah Dan Dividen Pelaburan	<i>Interest And Investment Dividend</i>	3,961,600	4,401,600	4,063,984	(337,616)	-7.67%
Pendapatan-pendapatan Lain	<i>Other Income</i>	518,000	518,000	464,727	(53,273)	-10.28%
Pelunasan Geran Kerajaan	<i>Government Grant Amortization</i>	224,744	224,744	224,744	-	0.00%
Keuntungan Pelupusan Aset	<i>Profit From Disposal of Asset</i>	-	-	799	799	0.00%
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>TOTAL INCOME</b>	<b>19,783,275</b>	<b>18,962,316</b>	<b>17,020,180</b>	<b>(1,942,136)</b>	<b>-10.24%</b>
<b>PERBELANJAAN</b>	<b>EXPENSES</b>					
Kos Kakitangan	<i>Staff Costs</i>	4,772,170	4,923,190	4,183,337	(739,853)	-15.03%
Penyelenggaraan Dan Pembaikan	<i>Repair And Maintenance</i>	2,150,850	2,024,800	1,459,466	(565,334)	-27.92%
Pentadbiran Dan Pengurusan	<i>Administration And Management</i>	4,884,850	4,918,150	4,629,389	(288,761)	-5.87%
Susutnilai Hartanah, Loji Dan Peralatan	<i>Depreciation of Property, Plant And Equipment</i>	5,060,000	5,060,000	4,854,580	(205,420)	-4.06%
Perbelanjaan Cukai GST	<i>GST Expenses</i>	10,000	10,000	706	(9,294)	-92.94%
Kerugian Jualan Aset	<i>Loss From Sale of Assets</i>	2,000	2,000	-	(2,000)	-100.00%
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>TOTAL EXPENSES</b>	<b>16,879,870</b>	<b>16,938,140</b>	<b>15,127,478</b>	<b>(1,810,662)</b>	<b>-10.69%</b>
<b>Keuntungan Sebelum Cukai</b>	<b>Profit Before Tax</b>	<b>2,903,405</b>	<b>2,024,176</b>	<b>1,892,702</b>	<b>(131,474)</b>	<b>-6.50%</b>
Cukai	<i>Tax</i>	(650,000)	(720,000)	87,160	807,160	-112.11%
<b>Keuntungan Bersih Bagi Tahun Semasa</b>	<b>Net Profit For Current Year</b>	<b>2,253,405</b>	<b>1,304,176</b>	<b>1,979,862</b>	<b>675,686</b>	<b>51.81%</b>



# Penyata Perubahan Ekuiti

## *Statement of Changes in Equity*

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 • *For The Year Ended 31 December 2017*

		PINJAMAN KENDERAAN VECHILE LOAN RM	PINJAMAN KOMPUTER COMPUTER LOAN RM	KEUNTUNGAN TERKUMPUL ACCUMULATED PROFIT RM	JUMLAH TOTAL
BAKI PADA 1.1.2016	<i>BALANCE AS AT 1.1.2016</i>	700,000	150,000	238,892,530	239,742,530
Keuntungan Bersih Bagi Tahun Semasa	<i>Net Current Year Profit</i>	-	-	2,006,323	2,006,323
BAKI PADA 31.12.2016	<i>BALANCE AS AT 31.12.2016</i>	700,000	150,000	240,898,853	241,748,853
BAKI PADA 1.1.2017	<i>BALANCE AS AT 1.1.2017</i>	700,000	150,000	240,898,853	241,748,853
Keuntungan Bersih Bagi Tahun Semasa	<i>Net Current Year Profit</i>	-	-	1,979,862	1,979,862
BAKI PADA 31.12.2017	<i>BALANCE AS AT 31.12.2017</i>	700,000	150,000	242,878,715	243,728,715



# Penyata Aliran Tunai

## Cash Flow Statement

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 • For The Year Ended 31 December 2017

		2017 RM	2016 RM
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi :</b>	<b>Cash Flow From Operational Activities:</b>		
Keuntungan Sebelum Cukai	Profit Before Tax	1,892,702	2,941,008
<b>Pergerakan Bukan Tunai</b>	<b>Non Cash Movement</b>		
Susutnilai Bagi Hartanah, Loji Dan Peralatan	Depreciation of Property, Plant And Equipment	4,854,580	5,034,290
Pelunasan Geran Kerajaan Persekutuan	Federal Government Grant Amortization	(224,744)	(224,744)
Keuntungan Pelupusan Hartanah Loji Dan Peralatan	Profit from Disposal Of Property, Plant And Equipment	(799)	(78)
Peningkatan Dalam Peruntukan Hutang Ragu	Increment In Provision of Doubtful Debt	15,647	-
Pengurangan Dalam Pemiutang Dan Terakru	Decrement In Debtors And Accrued	(252,223)	(277,944)
(Pengurangan) / Peningkatan Dalam Peruntukkan Ganjaran Persaraan	(Decrement)/Increment In Provision of Retirement Reward	(33,975)	122,554
Pengurangan Penghutang Pelbagai, Depositi Dan Prabayar	Decrement In Various Debtor, Deposit And Prepaid	142,523	17,169,544
Kurangan Dalam Penghutang Perniagaan	Decrement In Trade Debtors	226,370	599,777
Bayaran Cukai	Tax Payment	(963,215)	(1,779,780)
<b>Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi</b>	<b>Net Cash Flow From Operational Activities</b>	<b>5,656,866</b>	<b>23,584,627</b>
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan :</b>	<b>Cash Flow From Investment Activities:</b>		
Pembelian Hartanah, Loji Dan Peralatan	Purchase of Property, Plant And Equipment	(76,129)	(497,936)
Kutipan Jualan Hartanah, Loji Dan Peralatan	Proceeds from Property, Plant And Equipment	800	220
Pengurangan / (Peningkatan) Bagi Kerja Dalam Kemajuan	Decrement/(Increment) For Work In Progress	142,847	(142,847)
Pengurangan / (Peningkatan) Pelaburan Jangka Pendek	Decrement/(Increment) For Short Term Investment	302,749	(15,352,011)
Peningkatan Pelaburan Jangka Panjang	Increment of Long Term Investment	(5,905,048)	(7,576,903)
<b>Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan</b>	<b>Net Cash Flow Used In Investment Activities</b>	<b>(5,534,781)</b>	<b>(23,569,477)</b>
Peningkatan Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai	Net Increase In Cash And Cash Equivalent	122,085	15,150
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	Cash And Cash Equivalent At Beginning Of The Year	1,560,286	1,545,136
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tempoh</b>	<b>Cash And Cash Equivalent At End Of The Year</b>	<b>1,682,371</b>	<b>1,560,286</b>

### Nota Kepada Penyata Aliran Tunai

### Notes To The Cash Flow Statement

#### a. Tunai Dan Kesetaraan Tunai Cash And Cash Equivalent

Tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada panjar wang runcit dan baki di bank  
Cash and cash equivalent consist of petty cash and bank balance

		2017 (RM)	2016 (RM)
Panjar Wang Runcit	Petty Cash	1,000	1,000
Wang Di Bank	Cash In Bank	1,681,371	1,559,286
<b>Jumlah Pada Akhir Tahun</b>	<b>Amount At The End Of The Year</b>	<b>1,682,371</b>	<b>1,560,286</b>



# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## Notes To The Financial Statements

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 • For The Year Ended 31 December 2017

### 1. AKTIVITI DAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN

#### 1.1 AKTIVITI LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN

Lembaga Pelabuhan Kuantan menjalankan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di bawah mengikut peruntukan Akta Lembaga-Lembaga Pelabuhan 1963, Akta Badan Berkanun 1980 dan Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaaan) 1990.

##### a) Fasilitasi Perdagangan

- i. Pajak kecil tanah untuk tujuan industri dan komersial
- ii. Pemasaran

##### b) Kawal Selia Dan Perancangan

- i. Kawal pembangunan dan perancangan
- ii. Kawal selia operasi operator pelabuhan
- iii. Pengeluaran lesen pemaliman
- iv. Kawal selia keselamatan perairan dan laluan masuk
- v. Kawal selia keselamatan kawasan pelabuhan

#### 1.2 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 telah diluluskan secara resolusi oleh Lembaga Pengarah pada 20 Ogos 2018.

#### 1.3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN

Semua dasar perakaunan yang penting dan tertera seperti berikut adalah sejajar dengan tahun lalu.

##### a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Walaubagaimanapun, Lembaga telah mengguna pakai beberapa pengecualian seperti yang didedahkan di dalam nota 1.3 (a).

##### b) Instrumen Kewangan

##### i. Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Pendekatan keseluruhan Lembaga bagi pengurusan risiko adalah untuk mengurangkan kesan pendedahan terhadap risiko kecairan, risiko aliran tunai, risiko kredit dan risiko pelaburan.

##### ii. Risiko Kecairan

Pegangan wang tunai dan deposit jangka pendek Lembaga adalah dijangka mencukupi untuk kegunaan modal kerja.

##### iii. Risiko Aliran Tunai

Aliran tunai Lembaga adalah mencukupi bagi tujuan pembangunan dan pengurusan.

##### iv. Risiko Kredit

Lembaga tidak mempunyai risiko kredit yang ketara. Risiko kredit diminimakan dan dikawal melalui had kredit dan pemantauan prosedur berkaitan.

##### v. Risiko Pelaburan

Pelaburan di institusi kewangan adalah selaras dengan prosedur kerajaan dan peraturan kewangan serta di institusi yang diluluskan Kementerian Kewangan Malaysia. Bagi meminimakan risiko kerugian, pelaburan dipantau oleh Jawatankuasa Pelaburan serta dilaporkan kepada Jemaah Lembaga Pengarah.

### 1. ACTIVITIES AND ACCOUNTING POLICIES

#### 1.1 Kuantan Port Authority Activities

Kuantan Port Authority carried out activities stated below according to the provisions of Port Authorities Act 1963, Statutory Body Act 1980 and Ports (Privatisation) Act 1990.

##### a) Trade Facilitation

- i. Sub leasing of land for industrial and commercial purposes
- ii. Marketing

##### b) Regulatory and Planning

- i. Development and panning regulations
- ii. Regulating the operation of port operator
- iii. Issuance of pilotage licensing
- iv. Regulating the channel and basin safety
- v. Regulating the safety within the port area

#### 1.2 PRESENTATION OF FINANCIAL STATEMENT

The financial statement of Kuantan Port Authority for the year ending 31 December 2017 has been approved by resolution by the Board Members on 20 August 2018

#### 1.3 ACCOUNTING POLICY

All significant accounting policy set out below are consistent with those applied in the previous year.

##### a. Preparation Basis

The financial statement has been prepared in accordance to the Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS). However, the authority has adopted some exceptions as disclosed in note 1.3 (a).

##### b. Financial Instrument

##### i. The Objective and Financial Risk Management

The approach of the Board is to reduce the the effect of exposure to liquidity risk, cash flow risk, credit risk and investment risk.

##### ii. Liquidity Risk

Cash in hand and short term deposit of the Authority is expected to be sufficient for working capital usage.

##### iii. Cash Flow Risk

The cash flow of the Authority is sufficient for the purpose of development and management

##### iv. Credit Risk

The authority does not have significant credit risk. Credit risk is minimised and controlled by credit limits and monitoring related procedures.

##### v. Investment Risk

Investments in financial institutions are in accordance to Government procedure, financial regulation and and institutions approved by the Malaysian Finance Ministry. To minimise the risk of losses, investments are monitored by the Investment Committee and reported to the Board.



# Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

## *Notes To The Financial Statements*

